

B533
MAHATHIR

1976

KUALA PILAH, 14 OGOS (BERNAMA)-PARA IBU BAPA DAN GURU HARI INI DIGESA Mencari jalan bagaimana mereka boleh menolong memajukan pelajaran murid-murid melalui persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Lembaga Pengurus Sekolah.

Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamed membuat gesaan itu ketika merasmikan Sekolah Menengah Batu Kikir enam batu dari sini hari ini.

Katanya, "Sebaik-baiknya Ibu Bapa dan Guru-guru hendaklah berganding bahu dan bersama-sama bertanggung jawab serta memainkan peranan untuk memajukan pelajaran anak-anak yang amat memerlukan bimbingan dan didikan itu."

Beliau mengingatkan PIBG dan Lembaga-tersebut hendaklah berhati-hati dalam tindak tanduknya dan segala kegiatan hendaklah diatur demi kepentingan kemajuan dan kebaikannya murid-murid. 167

Beliau juga menasihatkan guru besar dan guru-guru lainnya supaya tidak bersikap atau melakukan sebarang perbuatan yang boleh menimbulkan masalah antara sekolah dengan masyarakat sekeliling.

Menyebut tentang projek pembangunan pelajaran dibawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi negeri Sembilan, beliau berkata, peruntukan sebanyak \$30.3 juta telahpun dirancangkan. -BERSAMBUNG
HM 1403

B534

MAHATHIR 2 KUALA PILAH

Dr. Mahathir juga mengingatkan para Ibu Bapa serta guru-guru tentang pentingnya pelajaran sains dan teknologi serta perniagaan dan perdagangan.

Katanya, "Anak-anak hendaklah didorong menumpukan perhatian kepada bidang-bidang tersebut.

Terdahulu dari itu, Menteri Besar, Datuk Mansor Othman berkata, negeri Sembilan akan menyediakan 26,000 pekerjaan baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga di semua bidang pembangunan.

Dengan adanya peluang-peluang pekerjaan itu, murid-murid hendaklah belajar bersungguh-sungguh agar dapat merebut dan memenuhinya kelak. -- BERNAMA HM 1406

B598

MAHATHIR 3 KUALA PILAH (SAMBUNGAN 534)

DI REMBAU, DR. MAHATHIR BERKATA RM KETIGA ANTARA LAIN MENGINTEG -RASI DAN MENYATUKAN RAKYAT, MENGELUARKAN TENAGA MANUSIA YANG TERLATIH TERUTAMANYA DI BIDANG SAINS DAN TEKNOLOJI, DAN MENGURANGAN KADAR KECICIRAN MURID-MURID.

KEMENTERIAN PELAJARAN, KATANYA AKAN BERUSAHA MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT INI DENGAN MEMPERKUKUHKAN LAGI SISTEM PELAJARAN DAN MEMBAHAGIKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELAJARAN DENGAN LEBIH ADIL DAN SAKSAMA.

BERHUBUNG DENGAN INI, KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MEMBERI KEUTAMAAN DALAM RANCANGAN PEMBANGUNANNYA KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH YANG AMAT MEMPERLUKAN KEMUDAHAN SEGERA.

PROJEK-PROJEK SEPERTI DEWAN SEKOLAH TIDAK AKAN DI BERI KEUTAMAMEMANDANGKAN BAGITU BANYAK SEKOLAH LAIN YANG MEMERLUKAN BILIK DARJAH DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN ASAS.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERUCAP DEMIKIAN DI HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEKOLAH MENENGAH DATUK SEDIA RAJA REMBAU.

BELIAU KEMUDIAN MENGINGATKAN SEKOLAH-SEKOLAH SUPAYA JANGAN MEMENUHI HARI UCAPAN MEREKA DENGAN TERLALU BANYAK ACARA LAIN KERANA KEMUNGKINAN KEPENTINGAN HARI UCAPAN ITU AKAN MUDAH HILANG DAN MENJADI KURANG BERMAKNA KEPADA IBUBAPA DAN PIHAK-PIHAK LAIN YANG BERKENAAN.

MENURUT BELIAU, GURU-GURU BESAR UMPAMANYA HENDAKAKLAH BOLEH MEMBAHAGI-BAHAGIKAN MASA DAN PERBELANJAAN DENGAN TELITI SUPAYA KEMAJUAN PELAJARAN DAN PENDIDIKAN MURID-MURID TIDAK TERJEJAS.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN PARA BELIA TERUTAMA MURID-MURID SEKOLAH SUPAYA JANGAN KETAGIH DAN MENYALAHGUNAKAN DADAH KERANA PERBUATAN DEMIKIAN BOLEH MENJEJAS USAHA-USAHA PEMBANGUNAN NEGARA.

- BERNAMA 1740/BW